

KEDUDUKAN MIRZA GHULAM AHMAD DALAM TAFSIR AHMADIYAH QADIANI ‘THE HOLY QURAN ARABIC TEXT WITH ENGLISH TRANSLATION & SHORT COMMENTARY’

(The Position of Mirza Ghulam Ahmad in the Ahmadiyya Commentaries ‘The Holy Quran Arabic Text with English Translation & Short Commentary’)

^{1,2} ANDI PUTRA ISHAK*

² MUSTAFFA ABDULLAH

¹ Komplek Melati, Kp. Penampaan Uken, Kec. Blangkejeran, Kab. Gayo Lues,
24655 Provinsi Aceh, Indonesia

² Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya,
50603 Kuala Lumpur, Malaysia

ABSTRAK

Jema'at Ahmadiyah (*Ahmadiyya Muslim Community*) dikenali sebagai satu kumpulan sesat, kerana dianggap menyeleweng daripada akidah Islam sebenar, khususnya dalam permasalahan konsep kenabian. Walau bagaimanapun ramai yang tidak mengetahui kedudukan Mirza Ghulam Ahmad dalam tafsir Ahmadiyah sebagai punca penyelewengan tersebut terus berkelanjutan. Oleh kerana itu, makalah ini bertujuan untuk menganalisis buku tafsir *The Holy Quran Arabic Text With English Translation & Short Commentary* karya Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. Makalah ini menggunakan metodologi analisis kandungan iaitu tertumpu kepada karya tafsir di atas dan karya ulama Islam yang lain bagi proses analisis. Didapati bahawa buku tafsir tersebut memiliki kelemahan daripada sudut metodologi dan kandungan. Bashiruddin tidak mengikuti kaedah pentafsiran yang betul, sehingga berlaku pentafsiran yang salah. Dari sudut kandungan banyak berlaku penyelewengan, akibat pemujaan yang melampau terhadap pengasas Jema'at Ahmadiyah.

Kata kunci: Jema'at Ahmadiyah; tafsir Ahmadiyah; tafsir Qadiani; Mirza Ghulam Ahmad; Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad.

*Corresponding author: Andi Putra Ishak, Komplek Melati, Kp. Penampaan Uken, Kec. Blangkejeran, Kab. Gayo Lues, 24655 Provinsi Aceh, Indonesia, mel-e: andiputraishak@yahoo.com

Diserahkan: 29 Januari 2016

Diterima: 9 Mei 2016

DOI: <http://dx.doi.org/10.17576/JH-2017-0902-04>

ABSTRACT

The Ahmadiyya Muslim Community is a group that has deviated from the creed of the true Islamic faith, particularly in regards to the matter of the prophecy of Mirza Ghulam Ahmad. However many do not know the position of Mirza Ghulam Ahmad in the Ahmadiyya Commentaries and this is ignorance allows the abuses to continue. Therefore, the article based on research aims to analyses the commentaries of the text ‘The Holy Quran Arabic Text With Translation & Short Commentary’ by Mirza Bashiruddin Mahmood Ahmad. This paper uses the methodology of content analysis, the study focused on the above commentaries and the works of other Islamic scholars for analysis process. It was found that the commentaries has weakness in terms of methodology and content. Bashiruddin did not follow the proper methods of interpretation, such that the interpretation was wrong . From the content point of many irregularities, due to the extreme glorification of the founder of Ahmadiyya Muslim Community.

Keywords: Ahmadiyya community; Ahmadiyyah commentaries; Qadiani commentaries; Mirza Ghulam Ahmad; Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad

PENDAHULUAN

Penolakan umat Islam dunia terhadap Jema'at Ahmadiyah Qadiani tidak membuat mereka berhenti untuk meneruskan agenda organisasinya. Malahan ianya dikira sebagai suatu *sunnatullah* dalam sesebuah perjuangan. Pandangan dan respons umat Islam berdasarkan fatwa sesat yang dikeluarkan oleh pertubuhan umat Islam seperti *Rabitah 'Alam Islāmi, Islamic Fiqh Academy, Islamic Fiqh Council, Fatwa Shari'ah Council* dan fatwa negara umat Islam yang lain (Abdul Halim Mahally 2006), semakin mengukuhkan keyakinan mereka. Malahan mereka menganggap apa yang mereka yakini adalah pegangan sebenar *ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah* (Abdul Razak 2008).

Jema'at Ahmadiyah Qadiani mendakwa bahawa pegangan mereka sama dengan umat Islam yang lain yang berpegang kepada kitab suci al-Quran. Tetapi mereka memiliki pandangan yang berbeza dalam mentafsirkan al-Quran. Tradisi tafsir Jema'at Ahmadiyah Qadiani bermula semenjak kemunculan Mirza Ghulam Ahmad, kemudian dilanjutkan oleh Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad dengan bukunya *Tafsīr al-Kabīr* dan *Tafsīr al-Sagīr*. Bagi memudahkan orang ramai memahami kitab tafsir tersebut telah ditulis karya suntingan yang bertajuk *The Holy Quran Arabic Text With English Translation and Short Commentary*. Karya tafsir tersebut telah meletakkan pengasas Jema'at Ahmadiyah pada kedudukan yang sangat mulia, sehingga dia telah diseru dengan beberapa gelaran agung yang terdapat dalam al-

Quran. Justeru untuk mendedahkan kedudukan sebenar Mirza Ghulam Ahmad dalam tafsir Jema'at Ahmadiyah dilakukan kajian melalui tulisan ini.

KAJIAN LITERATUR

Kalangan Jema'at Ahmadiyyah meyakini bahawa Mirza Ghulam Ahmad merupakan penyelamat bagi seluruh agama. Beliau ialah Nabi bagi umat Islam, *al-Masīh* bagi umat Kristian dan Yahudi, Krisna bagi Hindu dan Masiodarbahmi bagi pengikut agama Zoroaster (Mirza Bashiruddin 2007). Oleh yang demikian, para khalifah Jemaat Ahmadiyah berupaya untuk menulis pelbagai buku bagi menyebarkan keyakinan tersebut.

Mirza Bashiruddin (1993), khalifah kedua Jema'at Ahmadiyyah telah menulis kitab *al-Tafsīr al-Kabīr*. Kitab ini merupakan tafsir lengkap keseluruhan al-Quran dalam perspektif Jemaat Ahmadiyah dan menerangkan kenabian Mirza Ghulam Ahmad. Selain itu Nuruddin Muneer (1988) menerangkan bahawa Bashiruddin turut menulis *al-Tafsīr al-Shagīr* bagi meringkaskan tafsiran di atas. Bagi menunjukkan kesahihan risalah Mirza Ghulam Ahmad Bashiruddin turut menulis buku-buku lain seperti *Sirat Masih al-Mau'ud* (2015), *Apakah Ahmadiyah itu?* (Mirza Bashiruddin 1990) dan *Invitation to Ahmadiyyat* (Mirza Bashiruddin 2007). Mirza Tahir Ahmad adalah khalifah Jema'at Ahmadiyyah yang keempat, telah mengulas kedudukan Mirza Ghulam Ahmad melalui kajian falsafah dalam buku *Revelation, Rationality, Knowledge and Truth* (Mirza Tahir Ahmad 2014). Menurut Mirza Masroor Ahmad, khalifah Jema'at Ahmadiyyah ke lima, keingaran umat terhadap kedudukan Mirza Ghulam Ahmad sebagai utusan Tuhan, adalah punca pelbagai krisis yang berlaku. Hal ini diterangkan dalam karya *World Crisis and The Pathway to Peace* (Mirza Masroor Ahmad 2013).

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode analisis dokumentasi, sumber primer ialah *The Holy Quran Arabic Text with English Translation and Short Commentary* karya Mirza Basiruddin Mahmud Ahmad 2012. Sumber sekunder pada karya-karya lain yang memiliki hubungan dengan masalah yang dikaji. Analisis ini menggunakan beberapa kaedah dalam metodologi analisis dokumen iaitu meneliti isi kandungan, menilai hujah dan fakta, membuat perbandingan, kritikan positif dan membuat kesimpulan (Ahmad Sunawari Long 2014).

PENGASAS JEMA'AT AHMADIAH QADIANI

Kemunculan Ghulam Ahmad berlatarbelakangkan krisis yang berlaku di India pada zaman penjajahan Inggeris di penghujung abad ke-19 (R. Ahmad Anwar t.th). Nama asal beliau adalah Ghulam Ahmad, sementara gelaran *Mirza* menunjukkan kepada salasilah keturunan bangsawan yang berasal daripada Parsi (Iran). Adapun mengenai tarikh kelahirannya telah berlaku perbezaan pandangan di antara para penulis tentang sejarah Ahmadiyah, dianggarkan dalam lingkungan tahun 1835 M sehingga 1839 M (Dost Muhammad Shahid 1961). Beliau lahir di Qadian pada waktu solat subuh di rumah bapanya Mirza Ghulam Murtaza, beliau dilahirkan dalam keadaan kembar. Pasangan kembarnya adalah perempuan yang meninggal beberapa masa selepas kelahirannya (Mirza Bashiruddin 2015).

Anak pertama kepada Mirza Ghulam Murtaza ialah Ghulam Kadir yang sangat setia dan suka membantu pegawai kerajaan Sikh masa itu, tepatnya pada zaman kekuasaan maha raja Ranjit Singh sehingga dia banyak mendapat penghargaan daripada kerajaan (al-Maudūdi 1985). Adapun anak keduanya ialah Mirza Ghulam Ahmad daripada isterinya Chiragh Bibi (Azharudin Muhammed Dali 2010). Ghulam Ahmad inilah yang telah mengasaskan pertubuhan Jema'at Ahmadiyah yang masih lagi berkembang sehingga ke hari ini.

Pengikut Jema'at Ahmadiyah meyakini bahawa masa kecil Mirza Ghulam Ahmad penuh dengan kesucian dan tidak terdedah dengan pengaruh kehidupan yang mementingkan materi dunia. Ghulam Ahmad digambarkan sebagai pemuda yang rajin beribadah dan kerap melakukan i'tikaf di masjid (Hamka Haq al-Badry 1980). Pendidikan Ghulam Ahmad telah dimulainya semenjak kecil lagi, subjek utama yang menjadi tumpuannya ialah al-Quran, ketika mencelah umur 10 tahun beliau mulai mempelajari kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Parsi. Adapun pada umur 17 tahun beliau *bertalaqqi* kepada seorang guru untuk mendalami ilmu *Nahwu*, ilmu *mantiq* dan falsafah. Sementara daripada bapanya beliau mempelajari ilmu perubatan (Hamka Haq al-Badry 1980), kerana bapanya, Mirza Ghulam Murtaza ialah seorang yang mahir dalam ilmu perubatan (Mirza Bashiruddin 2015). Sementara kemahirannya dalam ilmu agama boleh dikatakan didapatkannya tanpa guru (Hamka Haq al-Badry 1980).

Kontroversi mengenai Mirza Ghulam Ahmad mula berlaku pada tahun 1876 M, apabila beliau mengisyiharkan kepada umum bahawa beliau telah mendapat ilham secara terus daripada Allah SWT (al-Maudūdi 1985). Adapun keseharian Ghulam Ahmad pada tahun 1880-1888 M adalah sebagai pendakwah bebas. Beliau kerap melakukan perbincangan dengan pemeluk agama lain, di peringkat ini benih

kontroversi mula terserlah apabila mendakwa diri sebagai pemimpin umat Islam yang paling utama. Dengan yang demikian, semua umat Islam mesti membuat pengakuan taat setia kepada beliau. Bagi mencapai maksud tersebut beliau menyeru umat Islam untuk melakukan pembaiatan pada bulan Disember 1888 M. Seruan tersebut disambut oleh pengikutnya dengan melakukan pembaiatan pertama pada awal tahun 1889 M.

Ghulam Ahmad semakin berani untuk menyatakan diri sebagai mujaddid, penerima wahyu dan Nabi Isa *al-Masīh* akhir zaman. Menurutnya Nabi Isa Ibn Maryam telah wafat. Sementara Nabi Isa a.s yang dijanjikan akan turun di akhir zaman ialah misal Nabi Isa iaitu Mirza Ghulam Ahmad. Beliau juga mendakwa diri sebagai imam Mahdi. Dengan ini, pemujaan pengikutnya semakin melampau apabila menamakan Ghulam Ahmad dengan Nabi pada tahun 1900 M. Hal tersebut dipersetujui oleh Ghulam Ahmad. Ekoran daripada pemujaan tersebut Ghulam Ahmad mengisytiharkan diri sebagai Nabi bagi melanjutkan kenabian Nabi Muhammad SAW pada tahun 1901 M dan pada tahun 1905 M mendakwa diri sebagai Krisna bagi umat Hindu (Mirza Bashiruddin 2007).

THE HOLY QURAN ARABIC TEXT WITH ENGLISH TRANSLATION & SHORT COMMENTARY

Buku tafsir ini merupakan karya suntingan daripada tafsir *al-Sagīr* yang disusun oleh Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad (2007). Ianya telah diterjemahkan ke dalam 100 bahasa utama dunia (Muchlis Hanafi 2011), ia termasuk khazanah tafsir Ahmadiyah yang kerap dihadiahkan kepada orang ramai sama ada kepada pemimpin negara, kalangan akademik mahupun kepada orang selain Islam seperti Kristian.

Karya tersebut ditulis dengan menggunakan dua metode utama iaitu metode penulisan dan metode pentafsiran. Di antara metode penulisan tafsir tersebut ialah meletakkan terjemahan al-Quran di samping tulisan Arabnya, mengenalkan kedudukan surah, menyebutkan hubungan *munasābah* di antara surah, membuat ringkasan surah dan meletakkan rujukan silang (*cross reference*) ayat-ayat yang berkaitan (Mirza Bashiruddin 2012). Adapun metode pentafsiran buku tafsir tersebut ialah dengan mengambil penjelasan daripada al-Quran, mengambil penjelasan daripada hadis, merujuk kepada kamus-kamus Arab, mengambil penjelasan daripada buku-buku sejarah, merujuk kepada *Bible*, menerapkan metode *ishāri* (Mirza Bashiruddin 2012).

Dari sudut penulisan tidak bercanggah dengan kaedah penulisan kitab tafsir yang lain, malahan Bashiruddin telah meniru kaedah penyusunan kitab tafsir ulama-

ulama sebelumnya. Adapun metode pentafsiran memiliki banyak percanggahan dengan pentafsiran ulama muktabar. Di antaranya ketika Bashiruddin mentafsirkan surah al-Fatihah 1: 6, beliau mengambil penjelasan daripada surah al-Nisa' 4: 69, sehingga membuat kesimpulan bahawa potongan ayat *(مع النبین)* bermaksud ‘menjadi Nabi’ (Mirza Bashiruddin 2012). Pentafsiran seperti ini menunjukkan pembelaan Bashiruddin terhadap ideologi Jema’at Ahmadiyah yang meyakini kemungkinan wujudnya Nabi lain selepas Nabi Muhammad SAW. Sementara ulama tafsir muktabar menerjemahkan dengan ‘bersama para nabi’, kerana berdasarkan kepada riwayat mutawatir ayat tersebut menjelaskan tentang kedudukan seseorang di akhirat bukan di dunia (Ibn Kathīr 1997).

KEDUDUKAN MIRZA GHULAM AHMAD DALAM TAFSIR AHMADIYAH

Dalam tafsir Ahmadiyah, Mirza Ghulam Ahmad disifatkan sebagai manusia sempurna yang mewarisi sifat kenabian dan orang-orang soleh. Penerangan mengenai keadaan zamannya menurut dakwaan Bashiruddin tidak luput daripada perhatian al-Quran. Pentafsiran seperti ini telah menempatkan Ghulam Ahmad sebagai utusan Allah SWT. Justeru, ahli Jema’at Ahmadiyah mencabar orang yang tidak meyakini hal tersebut untuk melakukan *mubāhalah* iaitu saling berdoa diturunkan lagnat ke atas individu yang berbohong dari kalangan orang yang bersedia *bermubāhalah* (al-Fayrūz t.th). Setelah itu mereka berkeyakinan bahawa kehancuran dan kebinasaan akan dirasakan oleh para penentang Ghulam Ahmad. Dakwaan mengenai kesempurnaan taraf dan kedudukan Ghulam Ahmad digambarkan dalam tafsir Ahmadiyah dengan gelaran-gelaran berikut:

1. Mirza Ghulam Ahmad Pembuka Rahsia al-Quran

Jema’at Ahmadiyah meyakini bahawa masih banyak lagi khabar kenabian yang belum terungkap, ianya masih tertutup selama bertahun-tahun lamanya. Tiada sesiapa yang boleh membuka rahsia tersebut kecuali orang yang telah mendapat petunjuk wahyu untuk membukanya. Ketika Mirza Bashiruddin (2012) menghuraikan pengenalan kepada tafsir surah al-Fatihah beliau mendakwa bahawa rahsia al-Quran tersebut telahpun dibukakan dengan kemunculan Mirza Ghulam Ahmad.

Mirza Bashiruddin (2012) membawa beberapa ayat daripada *Bible* untuk menyokong pandangannya. Di antaranya ialah kitab wahyu 10: 1-2 dan kitab wahyu 10: 3.

Maka aku nampak seorang malaikat lain yang perkasa turun daripada langit dan di tangannya ada sebuah kitab kecil yang terbuka, maka kaki kanannya berpijak di laut dan kaki kirinya di darat, manakala dia (malaikat) menjerit, ketujuh guruh pun membunyikan bunyi masing-masing.

Apabila mentafsirkan semula maksud ayat dalam *Bible* tersebut para sarjana Kristian merumuskan bahawa firman-firman tersebut mengisyaratkan kemunculan Jesus untuk kali kedua, dalam hal ini yang dimaksudkan oleh mereka ialah Mirza Ghulam Ahmad seperti penuturan Mirza Bashiruddin (2012) di dalam tafsirnya.

2. Mirza Ghulam Ahmad Merupakan Wujud Kebangkitan Rasulullah SAW Kali Kedua

Kedatangan Rasulullah SAW untuk menyampaikan wahyu Ilahi ke seluruh alam berakhir dengan kewafatan Baginda. Walaupun usaha dakwah tersebut sentiasa dilanjutkan oleh para ulama yang menjadi pewaris para Nabi. Kenyataan ini difahami berbeza oleh kumpulan Jema'at Ahmadiyah. Mengikut kumpulan ini Rasulullah SAW akan dibangkitkan semula untuk kali kedua. Pandangan ini dihasilkan daripada pentafsiran Mirza Bashiruddin (2012) terhadap firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ يُؤْمِنُونَ بِمَا أُنْزِلَ إِلَيْكَ وَمَا أُنْزِلَ مِنْ قَبْلِكَ وَبِالآخِرَةِ هُمْ يُوقِنُونَ

(al-Baqarah 2: 4)


Maksudnya: dan juga orang-orang yang beriman kepada kitab ‘al-Quran’ yang diturunkan kepadamu (Wahai Muhammad), dan kitab-kitab yang diturunkan dahulu daripadamu, serta mereka yakin akan (adanya) hari akhirat (dengan sepenuhnya).

Akhirat dalam ayat di atas menurut Mirza Bashiruddin (2012) menunjukkan kepada dua makna iaitu: (i) tempat tinggal ukhrawi yang merupakan satu tempat untuk kehidupan di kemudian hari dan (ii) *al-Ākhira* bererti wahyu yang akan datang kemudian. Ketika menerangkan maksud kedua ini, Bashiruddin mendakwa bahawa al-Quran telah memberikan maklumat mengenai kebangkitan semula Rasulullah SAW untuk kali kedua. Dengan perincian bahawa kebangkitan pertamanya adalah pada abad ke-7 Masihi iaitu apabila al-Quran diturunkan kepada beliau. Sementara kebangkitan Rasulullah SAW untuk kali kedua melalui wujud seorang pengikut setia kepada Nabi Muhammad SAW. Kenabian tersebut mengikut Bashiruddin telah wujud dalam diri Mirza Ghulam Ahmad sebagai *al-Māsih al-Maw‘ūd*.

3. Mirza Ghulam Ahmad Sebagai Wakil Agung Rasulullah SAW

Di antara gelaran Mirza Ghulam Ahmad dalam tafsir Ahmadiyah ialah wakil agung Rasulullah SAW. Gelaran seperti ini disebutkan dalam beberapa surah dalam al-Quran. Penjelasannya lebih kepada gambaran mengenai keadaan umat apabila wakil agung Rasulullah tersebut dibangkitkan.

Mengikut Bashiruddin banyak ayat yang mengisyaratkan kemunculan wakil agung Rasulullah di akhir zaman. Firman Allah SWT:



(al-Muddaththir 74: 34)

Maksud: Dan waktu subuh apabila ia terang-benderang.

Perkataan subuh dalam ayat di atas dapat juga diertikan sebagai wakil agung Rasulullah SAW dalam wujud *al-Masih al-Mau'ud* (Mirza Ghulam Ahmad), sementara malam sebagai isyarat kepada kegelapan rohani yang dirasakan oleh umat manusia, keadaan tersebut akan sirna dan berakhir dengan diutusnya wakil agung Rasulullah SAW.

4. Mirza Ghulam Ahmad sebagai Nabi Isa a.s, kawan rapat Nabi Isa a.s dan *Mithāl* Nabi Isa

Mirza Ghulam Ahmad diyakini sebagai wujud kebangkitan Nabi Isa a.s untuk kali kedua. Bashiruddin menghuraikan pandangan ini dalam pengenalan kepada surah al-Fatiyah. Secara sepintas lalu, pendapat ini sama dengan pandangan majoriti umat Islam yang meyakini kebangkitan semula Nabi Isa a.s pada akhir zaman. Namun setelah dikaji secara mendalam di dapatkan bahawa ianya bercanggah dengan keyakinan majoriti umat Islam. Menurut majoriti umat Islam, Nabi yang akan datang tersebut ialah Nabi Isa Ibn Maryam, sementara menurut Jema'at Ahmadiyah Nabi yang akan datang itu ialah *mithāl* Nabi Isa dalam wujud Mirza Ghulam Ahmad.

Di antara ayat yang didakwa ditujukan kepada Ghulam Ahmad sebagai kawan rapat dan *mithāl* Nabi Isa a.s. Firman Allah SWT (al-Fath 48: 29) yang bermaksud:

Nabi Muhammad (SAW) ialah Rasul Allah dan orang-orang yang bersama dengannya bersikap keras dan tegas terhadap orang-orang kafir yang (memusuhi Islam), dan sebaiknya bersikap kasih sayang serta belas kasihan sesama sendiri (umat Islam). Engkau melihat mereka tetap beribadat rukuk dan sujud, dengan mengharapkan limpah kurnia (pahala) dari Tuhan mereka serta mengharapkan keredaan-Nya. Tanda yang menunjukkan mereka (sebagai orang-orang yang soleh) terdapat pada muka mereka - dari kesan sujud (dan ibadat mereka yang ikhlas). Demikianlah sifat mereka yang tersebut di dalam kitab Taurat; dan sifat mereka di dalam kitab Injil pula ialah: (bahawa mereka diibaratkan) sebagai pokok tanaman yang mengeluarkan anak

dan tunasnya, lalu anak dan tunasnya itu menyuburkannya, sehingga ia menjadi kuat, lalu ia tegap berdiri di atas (pangkal) batangnya dengan keadaan yang mengagumkan orang-orang yang menanamnya. Allah menjadikan sahabat-sahabat Nabi Muhammad SAW dan pengikut-pengikutnya kembang biak serta kuat gagah sedemikian itu) kerana ia hendak menjadikan orang-orang kafir merana dengan perasaan marah dan hasad dengki - dengan kembang biaknya umat Islam itu. (dan selain itu) Allah telah menjanjikan orang-orang yang beriman dan beramal soleh dari mereka, keampunan dan pahala yang besar.

Menurut Bashiruddin (2012), isyarat dalam ayat di atas ditujukan kepada kawan rapat Nabi Isa a.s dan *Mithal Nabi Isa a.s* yang merupakan *al-Masîh al-Maw'ûd*. Firman Allah SWT tersebut menceritakan berkennaan Jema'at yang didirikan oleh kawan rapat Nabi Isa a.s (Mirza Ghulam Ahmad). Ia bermula daripada permulaan yang kecil dan tidak bererti, namun dengan kuasa dan takdir Allah SWT Jema'at tersebut berkembang menjadi organisasi yang besar. Hal sedemikian berlaku secara berperingkat ke arah kesempurnaan.

5. Mirza Ghulam Ahmad Sebagai *al-Masîh al-Maw'ûd*

Kemunculan Ghulam Ahmad di India bukan kelahiran manusia biasa. Beliau merupakan *al-Masîh* yang dijanjikan (*al-Masîh al-Maw'ûd*). Bagi menyokong dakwaan tersebut, Mirza Bashiruddin (2012) telah mentafsirkan beberapa ayat al-Quran yang dikira bersesuaian dengan ideologi yang dibawa. Firman Allah SWT:

وَالْفَجْرِ ﴿١﴾ وَلَيَالٍ عَشْرِ ﴿٢﴾ وَاللَّشْعَنِ وَالْوَتْرِ ﴿٣﴾

(al-Fajr 89:1-3)

Maksud: Demi waktu fajar dan malam yang sepuluh (yang mempunyai kelebihan di sisi Allah) dan bilangan yang genap serta yang ganjil.

Menurut Mirza Bashiruddin (2012), ayat tersebut dapat difahami sebagai isyarat kepada fajar kemunculan *al-Masîh al-Maw'ûd* (Mirza Ghulam Ahmad). Sementara ‘sepuluh malam’ adalah isyarat kepada kemunduran umat Islam dalam tempoh sepuluh abad. Setelah itu kemajuan umat Islam akan berlaku secara berperingkat dengan diutusnya Mirza Ghulam Ahmad. Adapun bilangan genap adalah isyarat kepada dua tokoh iaitu Nabi Muhammad SAW dan *al-Masîh al-Maw'ûd*. Bilangan ganjil pula bermaksud diri Ghulam Ahmad akan sirna ke dalam jiwa Rasulullah SAW sehingga menjadi satu.

6. Mirza Ghulam Ahmad Sebagai Zulkarnain Kedua

Para ulama tafsir berbeza pandangan mengenai Zulkarnain yang disebutkan di dalam al-Quran. Menurut Tantawi (1992), pandangan yang paling hampir kepada kebenaran ialah Zulkarnain merupakan gelaran kepada Abu Karib al-Humayri, seorang raja yang berkuasa di Yaman. Antara kebiasaan penduduk Yaman ialah memberikan gelaran menggunakan perkataan (خالق) seperti *Zunuwas*. Tantawi (1992) menegaskan lagi bahawa Zulkarnain bukan seorang nabi, tetapi hamba Allah yang soleh. Kekuasaan beliau terbentang daripada Timur sehingga ke Barat.

Salah satu usaha yang dilakukan Zulkarnain adalah menghalang *Ya'juj* dan *Ma'juj* supaya tidak membuat kerosakan di permukaan bumi. *Ya'juj* dan *Ma'juj* sendiri menurut Mirza Bashiruddin (2012) adalah gelaran kepada orang Kristian Eropah. Dengan yang demikian, Bashiruddin mendakwa bahawa Mirza Ghulam Ahmad ialah Zulkarnain kedua yang menyelamatkan umat Islam daripada gangguan Kristian Eropah.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Kemunculan Jema'at Ahmadiyah Qadiani pada awal abad ke-19 telah menggemparkan dunia Islam, kerana mereka memiliki ideologi yang bercanggah dengan keyakinan umat Islam majoriti. Antara keyakinan mereka ialah wujudnya Nabi baru selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW dalam wujud Mirza Ghulam Ahmad. Beliau bukan saja diyakini sebagai Nabi, tetapi juga didakwa berkedudukan sebagai *al-Masih* dan *al-Mahdi*. Ekoran daripada dakwaan tersebut telah memunculkan respons umat Islam antarabangsa bagi membela dan mempertahankan kemurnian ajaran Islam. Di Pakistan, Jema'at Ahmadiyah Qadiani tidak dikira sebagai bahagian daripada umat Islam, tetapi mereka dikategorikan sebagai minoriti bukan Islam (*non-Muslim minorities*) (Ahmad Gaus AF 2009). Liga dunia Islam (*Rabitah al-'Alam al-Islami*) menganggap mereka sebagai orang kafir dan terkeluar daripada Islam (Muhammad Amin Djamaruddin t.th). Di Indonesia, pada tahun 1980 Majelis Ulama Indonesia (MUI) telah mengeluarkan fatwa sesat terhadap Jema'at Ahmadiyah (A.Yogaswara 2008). Demikian juga di Malaysia kumpulan tersebut telah difatwakan sebagai ajaran yang terkeluar dari ajaran Islam pada 18hb Jun 1975 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia t.th).

Teguran umat Islam antarabangsa tidak membuat Jema'at Ahmadiyah Qadiani berhenti daripada menyebarkan fahamannya. Justeru, bagi menampakkan dakwaan kenabian Ghulam Ahmad, telah ditulis buku tafsir yang bertajuk *The Holy Quran Arabic Text With English Translation and Short Commentari*, ia merupakan karya Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad (Mirza Bashiruddin 2012). Buku tafsir tersebut

memiliki percanggahan dengan kitab-kitab tafsir muktabar daripada sudut metodologi dan kandungan. Metodologi yang diguna pakai Bashiruddin tidak menepati kaedah sebenar ilmu pentafsiran. Sepatutnya ketika mengambil penjelasan daripada al-Quran dan hadis mengikuti metode *bi al-Ma'thūr* yang merupakan metode terbaik dalam pentafsiran al-Quran. Menurut al-Dhahabi (2000) pengambilan daripada al-Quran dan hadis yang sahih telah menjadi kesepakatan ulama untuk menerimanya. Tetapi Bashiruddin ketika mengambil penjelasan daripada al-Quran tidak mengikut kaedah yang tepat dan ilmiah sehingga berlaku kesalahan, seperti dalam pentafsiran surah al-Fatiha 1: 6 ditafsirkan dengan surah al-Mā'idah 5: 69. Pentafsiran Mirza Bashiruddin (2012) ini telah menimbulkan isu besar iaitu kewujudan Nabi baru selepas kewafatan Nabi Muhammad SAW.

Adapun metode *bi al-Ra'yī* yang digunakan Bashiruddin ialah dengan merujuk kepada kamus Arab, buku sejarah, merujuk kepada *Bible* dan penggunaan metode *ishārī*. Ketika Bashiruddin mempraktikkan metode tersebut telah didapati beberapa kelemahannya. Antaranya ketika merujuk kepada kamus Arab, beliau tidak mengambil makna yang lazim digunakan oleh ulama Islam, seperti penterjemahan (نَحْمَنُ النَّبِيِّينَ) dalam surah al-Ahzab 33: 40. Bashiruddin mengertikan dengan materai para Nabi, Nabi paling baik dan sempurna dan perhiasan para Nabi (Mirza Bashiruddin 2012). Padahal majoriti ulama Islam mengertikan dengan penutup para nabi (Ibn Manzur 1968). Demikian juga ketika merujuk kepada buku-buku sejarah, Bashiruddin lebih kerap merujuk kepada buku sejarah Eropah Barat berbanding buku-buku sejarah Islam, terutama pada kisah yang sebetulnya tidak memerlukan perincian. Contohnya ketika Bashiruddin menerangkan tentang Zulkarnain dalam surah al-Kahfi (Mirza Bashiruddin 2012). Bashiruddin juga kerap mentafsirkan al-Quran dengan keterangan daripada *Bible*, malahan terkadang lebih menyokong *Bible* berbanding pentafsiran ulama Islam, seperti keterangan mengenai Talut dalam surah al-Baqarah 2: 247 (Mirza Bashiruddin 2012). Sementara keterangan daripada *Bible* dalam ilmu tafsir dikenal dengan istilah *isrā'ilīyat*, ianya termasuk perkara yang merendahkan kedudukan tafsir *bi al-Ma'thūr* (al-Dhahabi 2000). Selain itu penggunaan metode *ishārī* dalam buku tafsir tersebut telah membawa kepada pemujaan pengasas Jemaat Ahmadiyah secara melampau. Menurut al-Qattān (t.th), pentafsiran dengan *ishārī* tanpa mengikut kaedah-kaedah yang dibenarkan merupakan satu bentuk kejahilan.

Mengenai kedudukan Ghulam Ahmad sebagai pembuka rahsia al-Quran, wujud kebangkitan Rasulullah SAW kali kedua, wakil agung Rasulullah SAW, Nabi Isa a.s, kawan rapat Nabi Isa, *Mithal Nabi Isa a.s*, *al-Masih al-Maw'ud*, Zukarnain kedua merupakan tafsir *ishārī* yang bercanggah dengan pentafsiran yang betul. Sepatutnya penggunaan *ishārī* mesti memenuhi empat syarat sehingga dapat diterima iaitu tidak bercanggah dengan maksud ayat, maksud yang dibawa adalah betul, lafaz mesti menunjukkan kepada makna yang dibawa, antara maksud yang dibawa dan

ayat memiliki hubungan yang kuat (al-Qattān t.th). Selain itu pentafsiran tersebut bercanggah dengan pentafsiran ulama muktabar, sementara menyalahi pentafsiran majoriti ulama dikira satu bentuk penyelewengan (Muchlis Hanafi 2011).

Bukti-bukti penyelewengan tersebut ialah mentafsirkan al-Fatiyah dengan Ghulam Ahmad sebagai pembuka rahsia al-Quran, sementara menurut al-Tabari (1999), al-Fatiyah ialah nama kepada surah al-Quran. Dinamakan dengan al-Fatiyah adalah kerana pembacaan dan penulisan mushaf al-Quran dimulakan dengannya, selain itu ianya menjadi bacaan utama di dalam sembahyang. Juga berlaku penyelewangan ketika Bashiruddin mentafsirkan surah al-Baqarah 2: 5 pada perkataan (الْيَوْمُ الْفَجْرُ), Bashiruddin mentafsirkan perkataan tersebut dengan kebangkitan Rasulullah SAW kali kedua dalam wujud Mirza Ghulam Ahmad. Pentafsiran seperti ini terlalu jauh daripada maksud lafaz berkenaan. Menurut Ibn Khatīr (1997) yang dimaksud dengan akhirat ialah perkara-perkara selepas kehidupan dunia seperti hari kebangkitan, hari kiamat, syurga, neraka, hisab, mizan. Penyelewangan ketika mentafsirkan surah al-Muddaththir 74: 34 “dan waktu subuh apabila dia terang benderang”, Bashiruddin memahami bahawa ayat tersebut merupakan isyarat kepada kedudukan Ghulam Ahmad sebagai wakil agung Rasulullah SAW, sementara dalam kitab-kitab tafsir muktabar tidak didapati maksud lain selain waktu subuh (al-‘Imādi 1994; al-Qāsimī 1994). Penyelewangan dalam surah al-Fath 48: 29, Bashiruddin mengatakan bahawa ayat tersebut menunjukkan kepada Nabi Isa, kawan rapat Nabi Isa a.s dan *mithal* Nabi Isa a.s. Semua gelaran tersebut beliau tujukan kepada Ghulam Ahmad dan isyarat kepada perkembangan Jema’at Ahmadiyah. Pentafsiran yang demikian merupakan suatu bentuk penyelewangan, kerana ayat tersebut adalah perumpamaan (*darb al-mathal*) mengenai Nabi Muhammad SAW dan para sahabat di dalam kitab Injil. Ayat tersebut bermaksud bahawa dakwah Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW bermula daripada kumpulan yang kecil dan lemah, seiring dengan perkembangan zaman ia terus berkembang dan berjaya sehingga menjadi tamadun yang hebat (al-Shinqītī 1995). Penyelewangan dalam surah al-Fajr 89: 1-3, Bashiruddin mentafsirkan (الفجر) dengan fajar kemunculan *al-Masīh al-Maw’ūd* dalam wujud Ghulam Ahmad adalah bercanggah dengan pandangan ulama tafsir daripada kalangan sahabat dan tabi’in seperti Abdullah bin Abbas, Qatadah, Mujahid, Ikrimah dan mufassir muktabar yang lain seperti al-Tabari (al-Qurtūbi 2000). Menurut Ibn Abbas, fajar bermaksud siang hari sepenuhnya atau bermakna fajar bulan Muharram. Pendapat ini disokong oleh Qatadah. Sementara menurut Mujahid fajar dalam surat tersebut bermaksud subuh hari penyembelihan (*yawm al-nahr*). Menurut Ikrimah ialah terbit fajar pada hari pengumpulan (*yawm Jam ‘in*) dan menurut al-Tabari ianya merupakan fajar pada sepuluh malam bulan Muharram. Sementara itu memberikan gelaran kepada Ghulam Ahmad dengan Zulkarnain kedua adalah perkara yang tidak patut berlaku, kerana Zulkarnain merupakan nama

kepada orang yang mulia. Nama tersebut disebutkan di dalam al-Quran. Banyak pandangan pakar sejarah mengenai Zulkarnain, ada yang mengatakan beliau ialah malaikat, orang soleh dan nabi utusan Allah SWT (al-Qurtubi 2000). Berdasarkan hujah di atas, Ghulam Ahmad tidak lain adalah seorang nabi palsu yang mendakwa dirinya sebagai utusan Allah SWT.

KESIMPULAN

Jema'at Ahmadiyah Qadiani telah membawa suatu ideologi yang bercanggah dengan perkara asas dalam Islam. Mereka telah mempertikaikan konsep Nabi terakhir (*khatam al-Nabiyin*) yang diyakini majoriti. Bagi kumpulan ini kemunculan Nabi baru selepas Nabi Muhammad SAW adalah perkara utama yang wajib diimani. Teori ini dihasilkan bagi membuktikan kebenarkan dakwaan pengasas Jema'at Ahmadiyah Qadiani (Mirza Ghulam Ahmad) sebagai Nabi utusan Allah SWT.

Selepas Ghulam Ahmad meninggal pada tahun 1908 M, dakwaan kenabian beliau disebarluaskan oleh para pengikutnya. Antaranya karya tafsir yang dihasilkan oleh Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad dengan tajuk *The Holy Quran Arabic Text With English Translation and Short Commentary*. Pengkaji mendapati bahawa buku tersebut memiliki kelemahan daripada sudut metodologi dan kandungan. Bashiruddin telah melakukan pentafsiran dengan metode yang tidak lazim diguna pakai oleh ulama tafsir muktabar, sehingga menghasilkan kesimpulan yang salah. Adapun daripada sudut kandungan telah berlaku pentafsiran yang melampau bagi melakukan pemujaan terhadap Ghulam Ahmad dengan gelaran-gelaran yang tidak patut. Intinya dia diyakini sebagai pembuka rahsia al-Quran, wujud kebangkitan Rasulullah SAW kali kedua, wakil agung Rasulullah SAW, Nabi Isa a.s, kawan rapat Nabi Isa, *Mithal Nabi Isa a.s*, *al-Masīh al-Mau'ūd* dan Zukarnain kedua. Pentafsiran Bashiruddin seperti tersebut di atas dapat dikategorikan sebagai pentafsiran yang menyeleweng, kerana tidak mengikuti kaedah pentafsiran yang betul dan bercanggah dengan kesepakatan ulama (*ijmā'*).

RUJUKAN

- A. Yogaswara. 2008. *Heboh Ahmadiyah*. Yogyakarta: Narasi.
- Abdul Halim al-Mahally. 2006. *Benarkah Ahmadiyah Sesat*. Jakarta Pusat: PT Cahaya Kirana Rajasa.
- Abdul Razak. 2008. *Wahyu al-Masīh al-Mau'ūd*. Bogor: PB. Jemaat Ahmadiyah Indonesia.
- Ahmad Gaus AF. 2009. *Sang Pelintas Batas Biografi Djohan Efendi*. Jakarta: ICRP.

- Ahmad Sunawari Long. 2014. *Metodologi Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azharudin Muhammed Dali. 2010. Gerakan Ahmadiyah (Qadiani) di Malaysia: satu sorotan Sejarah. *Jurnal Al-Tamaddun* 5: 34.
- Dost Muhammad Shahid. 1961. *Tārīkh Ahmadiyah*. Rabwah: t.pt.
- al-Dhahabi, Muhammad Husain. 2000. *al-Tafsīr wa al-Mufassirūn*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- al-Fayrūz, Ābādi. t.th. *al-Qāmūs al-Muhiṭ*. Beirut: Dar al-Jīl.
- Hamka Haq al-Badry. 1980. *Koreksi Total Terhadap Ahmadiyah*. Jakarta: Yayasan Nurul Islam.
- Ibn Manzur, Abu al-Fadl Muhammad bin Mukrim. 1968. *Lisān al-‘Arab*. Beirut: Dār al-Sādir Li Tibā’ah wa al-Nashr.
- Ibn Kathīr, Abi al-Fidā Ismāīl bin Umar. 1997. *Tafsīr al-Qurān al-‘Azīm*. Riyād: Dār Tayyibah Nasr wa al-Tauzī.
- al-‘Imādi, Abi al-Su’ūd Muhammad bin Muhammad. 1994. *Tafsīr Abi al-Su’ūd*. Beirut: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabi.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. t.th. *Keputusan Fatwa Kebangsaan*. t.tp: t:pt.
- Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. 2012. *The Holy Quran Arabic Text with English Translation and Short Commentary*. Malik Ghulam Farid (Penyt). Islamabad: Islam International Publications Limited.
- Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. 2007. *Invitation to Ahmadiyyat*. Terj. Sayyid Syah Muhammad al-Jaelani. Bogor: Jema’at Ahmadiyah Indonesia.
- Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. 2015. *Sirāt al-Masīh al-Mau’ūd*. Terj. Muhammad Tahir Nadeem. United Kingdom: Islam International Publications Ltd.
- Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. 1993. *al-Tafsīr al-Kabīr*. United Kingdom: Islam International Publications Ltd.
- Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad. 1990. *Apakah Ahmadiyah itu?* Indonesia: B.P Lajnah Imaillah Jemaat Ahmadiyah Indonesia.

- Mirza Tahir Ahmad. 2014. *Revelation, Rationality, Knowledge and Truth*. Bandung: Neratja Press.
- Mirza Masroor Ahmad. 2013. *World Crisis and Pathway to Peace*. United Kingdom: Islam International Publications Ltd.
- Muchlis M. Hanafi. 2011. *Menggugat Ahmadiyah*. Ciputat: Penerbit Lentera Hati.
- Muhammad Amin Djamaruddin. t.th. *Ahmadiyah & Pembajakan al-Quran*. Jakarta: LPPI.
- Nuruddin Muneer. 1998. Ahmadi Muslim. Indonesia: PB Jemaat Ahmadiyah.
- al- Maudūdi, Abu al-A'la. 1985. *al-Qadianiyah*. Kuwait: Dar al-Qalam.
- al-Qurtūbi, Abi 'Abd Allah Muhammad bin Ahmad al-Ansāri. 2000. *al-Jāmi' li Akhāk al-Qurān*. Kaherah: Dar al-Hadīth.
- al-Qattān, Mannā' Khalīl. t.th. *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qurān*. Terj. Mudzakir. Jakarta: PT. Pustaka Litera Antar Nusa.
- al-Qāsimi, Muhammad Jamāl al-Dīn. 1994. *Tafsīr al-Qāsimi*. Beirut: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi.
- R. Ahmad Anwar. t.th. *Profil Hazrat Mirza Bashiruddin Mahmud Ahmad*. Bogor: Jema'at Ahmadiyah Indonesia.
- al-Shinqīti, Muhammad Amin bin Muhammad Mukhtar. 1995. *Adwā' al-Bayān*. Beirut: Dār al-Fikr.
- Tantāwi, Sayyid, Muhammad. 1992. *Tafsīr al-Wasīt*. t.tp: Dār al-Ma'ārif.
- al-Tabari, Abi Ja'far Muhammad bin Jarīr. 1999. *Tafsīr al-Tabari*. Kaherah: Hajar.

